

Membina Pembangunan Insan melalui Komuniti Pembelajaran Profesional

Building Human Development through Professional Learning Community

Zanaton H Iksan¹, Rabiatul 'Aqilah Mohamad Ariffin², Sharifah Sebran Jamila bt Syed Imam³

^{1,2}Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

³Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Article progress

Accepted: 28 February 2021

Reviewed: 23 March 2021

Published: 1 June 2021

*Corresponding author:

Zanaton H Iksan
Fakulti Pendidikan, Universiti
Kebangsaan Malaysia,
Malaysia;
Email:
zanaton.iksan@ukm.edu.my

Abstrak: Komuniti Pembelajaran Profesional adalah satu platform untuk guru berkolaboratif dalam kalangan guru untuk membincangkan pengajaran dan pembelajaran sebaik mungkin. Kolaboratif ini adalah untuk memantau proses pembelajaran pelajar secara lebih berfokus, seterusnya melihat perkembangan pelajar. Bagi mencapai matlamat itu, pihak Kementerian Pendidikan telah membangunkan "Kit PLC" bagi membantu membudayakan amalan kolaboratif guru. Tujuan penulisan ini adalah untuk membincangkan amalan kolaboratif berasaskan kepada kit PLC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat 13 strategi atau alat kolaboratif yang dibincangkan iaitu Dialog Prestasi, Kelab Buku, Kumpulan Belajar Guru, Kritikan Video, Jelajah Pembelajaran, Bimbingan Rakan Sekerja, Kajian Pembelajaran, Sesi Perkongsian Guru, Analisis Data, Kumpulan Rakan Kritikal, Induksi dan Pementoran Guru Baharu, Kumpulan Penyelesaian Masalah, serta Pasukan Melintang dan Pasukan Menegak. Strategi ini memberi impak kepada peningkatan pedagogi guru dengan memberi tumpuan kepada perkembangan pelajar bagi memastikan kemenjadian pelajar.

Kata kunci: Kajian Pembelajaran, Kolaboratif, Komuniti Pembelajaran Profesional, Profesionalisme Guru, Pengajaran dan Pembelajaran

Abstract: *The Professional Learning Community is a platform for teachers to collaborate among teachers to discuss teaching and learning as best as possible. This collaborative to focus on monitoring the learning process of students and the development of students. To achieve that goal, the Ministry of Education has developed "Kit PLC" to help cultivate the collaborative practice of teachers. The purpose of this writing is to discuss the collaborative practices based on the PLC kits in the teaching and learning process. There are 13 strategies or collaborative tools discussed namely Performance Dialogue, Book Club, Teacher Study Group, Video Critique, Learning Walks, Peer Coaching, Lesson Study, Teacher Sharing Session, Data Analysis, Critical Friends Group, New Teacher Induction and Mentoring, Problem Solving Group, as well as Horizontal Teams and Vertical Teams. These strategies give impacts on the improvement of teacher pedagogy by focusing on student development to ensure student development.*

Keywords: *Lesson Study, Collaborative, Professional Learning Community, Teacher Professionalism, Teaching and Learning*

Pengenalan

Guru adalah profesion yang dihormati dan

perlu kekal dilestarikan bagi memartabatkan Profesionalisma Keguruan. Kualiti guru dan kualiti pelajar amat signifikan dengan kualiti pendidikan

secara umum dan kualiti pengajaran guru secara khususnya. Oleh itu, profesion guru yang dibina perlu ditingkatkan dari segi pembangunan kapasiti guru melalui sokongan profesional. Justeru guru perlu mempunyai sistem sokongan profesional berterusan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Komuniti Pembelajaran Profesional atau *Professional Learning Community* (PLC). PLC merupakan inisiatif untuk meningkatkan kualiti guru bagi memastikan kemenjadian pelajar melalui kolaboratif guru (Bahagian Pendidikan Guru, KPM 2019).

Pada 2010, Program Transformasi Kerajaan telah menetapkan pendidikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Matlamat NKRA adalah semua pelajar mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan mampu bersaing di peringkat global. Justeru, KPM telah mula memperkenalkan PLC di bawah Inisiatif Kualiti Guru untuk memantapkan pembangunan profesionalisme yang berterusan dalam kalangan guru. Seterusnya, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 melalui Anjakan ke-4, telah menekankan matlamat untuk memastikan guru kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan dengan berkongsi amalan terbaik melalui PLC. KPM menggunakan pendekatan PLC untuk meningkatkan kualiti guru untuk mentransformasi PdP yang berkualiti. Bagi memperluaskan amalan PLC, KPM telah menghasilkan Kit PLC untuk memberi panduan dan pendedahkan berterusan kepada guru pelbagai alat kolaboratif dalam PLC (KPM, 2019).

Dalam pada itu, KPM telah membina naratif baharu amalan pendidikan. Tujuan naratif ini adalah untuk menggariskan fokus dan gerak kerja profesional KPM 2019 dengan berorientasikan pembangunan. Maksud pembangunan adalah memberikan tumpuan kepada tiga elemen pembangunan melalui tiga sub naratif iaitu pembangunan pembelajaran pelajar, pembangunan kapasiti guru dan pembangunan pengurusan pendidikan. Sub naratif kedua memberi tumpuan kepada kolaboratif guru, antaranya melalui PLC.

Matlamat kolaboratif guru dalam PLC adalah untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin, seterusnya memberi impak yang besar dalam pembelajaran pelajar. Guru menyediakan perancangan pengajaran secara kolaboratif, memastikan pembelajaran pelajar, seterusnya meneliti dan membuat refleksi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam hal ini secara tidak langsung terdapat dua individu yang

terlibat dalam pembangunan modal insan melalui PLC adalah guru dan pelajar.

Dalam gerak kerja profesional, KPM mengutamakan kualiti guru sebagai salah satu fokus utama melalui pendekatan PLC. Dasar PLC memberi ruang kepada sekumpulan guru secara profesional berkongsi pengalaman dan kepakaran untuk mempertingkatkan kemahiran pengajaran dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar (Amin, 2018). Amalan perkongsian secara kolaboratif akan dapat mengubah budaya guru dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan amalan kolaboratif ini perlu berlaku secara berterusan untuk meningkatkan profesionalisme guru sepanjang perkhidmatan.

Seterusnya demi memastikan pencapaian pelajar, KPM memberi penekanan amalan PLC melalui latihan yang berterusan kepada guru melalui Pembangunan Profesionalisme Berterusan. PLC adalah salah satu aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan yang dapat memberi impak yang positif kepada kecemerlangan dalam membentuk nilai positif dalam kalangan guru dan pelajar. Amalan PLC perlu menjadi budaya yang berterusan kepada semua guru untuk terus membangunkan nilai yang positif dalam kalangan guru dan pelajar.

Laporan dalam Sistem Pengurusan Latihan KPM menunjukkan 69.9% guru mengamalkan PLC di sekolah (KPM, 2019). Ini menunjukkan perkembangan yang positif terhadap penglibatan guru dalam amalan kolaboratif. Amalan kolaboratif yang mantap dapat meningkatkan pembangunan insan yang tinggi dalam kalangan guru melalui kolaboratif yang berterusan. Amalan kolaboratif juga merupakan sokongan profesional yang dapat memberi nilai tambah positif dalam meningkatkan kualiti pendidikan.

Amalan kolaboratif dalam kalangan guru memberi impak yang tinggi iaitu membina pemikiran positif dalam proses pertukaran idea, menggabungkan ilmu baru, lebih bermotivasi, dan kerjasama antara guru dan pelajar dapat dibangunkan (Yusoff et al., 2018). Amalan kolaboratif juga dapat menyelesaikan isu-isu pembelajaran dengan lebih efektif dan membentuk pemikiran lebih kritis dan kreatif. Ia juga dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dengan penglibatan pelajar yang aktif, seterusnya secara langsung dapat merangsang pemikiran kritis dalam kalangan guru dan pelajar dengan berkesan serta membentuk nilai positif yang tinggi.

Proses pembangunan insan terserlah melalui

13 strategi atau alat kolaboratif yang disarankan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Namun apabila diteliti kesemua alat kolaboratif ini, ada di antaranya memberi impak pembangunan nilai kepada profesion guru dan terdapat juga alat kolaboratif yang memberi fokus kepada pembangunan dan perkembangan pelajar. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis sejauhmana pembangunan nilai guru dan pelajar terserlah dalam strategi atau alat kolaboratif dalam PLC.

Komuniti Pembelajaran Profesional

Komuniti Pembelajaran Profesional bermaksud sekumpulan guru yang komited dan berkolaboratif secara berterusan untuk meningkatkan kualiti guru dalam merealisasikan kemenjadian pelajar. Perkara yang hendak diketengahkan adalah bekerja secara kolaboratif bagi memastikan perkembangan pembelajaran pelajar dengan memberi fokus kepada pencapaian, kemahiran dan nilai. Dalam perkara ini, bukan sahaja ilmu kognitif yang ditumpukan dalam pencapaian, tetapi elemen yang lebih menyeluruh seperti sikap, nilai, tingkah laku, dan sebagainya turut diberikan tumpuan. Pencapaian secara holistik ini menggambarkan kemenjadian pelajar dalam jangka masa panjang.

Guru bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional. Seperti yang dimaktubkan dalam Modul Asas Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pada peringkat awal terdapat empat jenis perkongsian amalan terbaik iaitu Kajian Pembelajaran (Lesson Study), Bimbingan Rakan Sebaya Guru/ Pembimbing Instruksi (Peer Coaching/ Instructional Coaches), Jelajah Pembelajaran (Learning Walks), dan Sesi Perkongsian Guru (Teacher Sharing Session). Kemudian, beberapa penambahan amalan-amalan yang lain telah dimasukkan ke dalam Prosedur Pengoperasian Standard (Standard Operating Procedure) Inisiatif 11-Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) oleh KPM iaitu Kritikan Video (Video Critique) dan Analisis Data (Data Analysis). Seterusnya, Kelab Buku (Book Club) pula diperkenalkan pada tahun 2016.

Namun begitu, selain ketiga-tiga perkongsian amalan ini, terdapat banyak lagi amalan dalam Komuniti Pembelajaran Profesional yang dipraktikkan di negara lain iaitu Mesyuarat Kumpulan Mendatar dan Menegak (Vertical and Horizontal Team Meeting), Kumpulan Penyelesai Masalah (Problem Solving Group), Kumpulan Rakan Kritikal (Critical Friends

Group), dan juga Kumpulan Belajar Guru (Teacher Study Group) yang dijalankan pada tahun 2019 (Ke-Du, 2019). Terkini, KPM telah melancarkan KIT PLC sebagai kemudahan guru-guru di mana strategi-strategi PLC ini dibahagikan kepada lima kategori yang terdapat 21 alat kolaboratif di bawahnya mengikut kategori masing-masing.

Pembangunan Nilai dalam Alat Kolaboratif

Bagi membantu guru melaksanakan Komuniti Pembelajaran Profesional, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan 13 strategi atau alat kolaboratif sebagai rujukan dan untuk dilaksanakan mengikut kesesuaian. Semua strategi ini dibincangkan dalam KIT PLC.

1. Dialog Prestasi (Performance Dialogue)

Dialog prestasi merupakan satu platform yang membolehkan guru berbincang berkaitan prestasi pelajar berasaskan kepada data yang telah diperolehi semasa proses pengajaran dan pembelajaran melalui keputusan ujian dan sebagainya. Perbincangan ini mewujudkan isu atau masalah yang timbul diikuti dengan idea untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan memberi tumpuan kepada perkembangan pelajar. Kolaborasi ini secara langsung membina pembangunan nilai individu pelajar, namun secara tidak langsung dapat membina nilai profesion seorang guru. Menurut Mahfud (2017), dialog prestasi dapat mewujudkan kerjasama untuk saling membetulkan dan saling membina ilmu dan kemahiran pengajaran guru-guru, maka ia secara tidak langsung mengukuhkan nilai profesionalisme guru.

2. Kelab Buku (Book Club)

Kelab buku pula menyediakan satu pelantar untuk guru-guru berkumpul dan membuat perkongsian berkaitan pembacaan sebuah buku, artikel atau apa sahaja bahan bacaan berbentuk ilmiah yang telah dibaca. Secara tidak langsung ia dapat menggalakkan guru untuk membaca buku bagi meningkatkan ilmu pengetahuan untuk dikongsikan. Aktiviti ini dapat membina nilai profesion seorang guru dari aspek ilmu dalam pelbagai bidang kerana memperoleh pengetahuan hasil perbincangan melalui pembacaan rakan kelab buku. Menurut Davis (2017), guru-guru dapat mengumpulkan ilmu pengetahuan yang diperolehi menerusi pembacaan mereka dan mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Lantaran itu, kelab buku bukan sahaja menambah ilmu pengetahuan guru, malahan menambah baik teknik dan gaya pengajaran hasil perbincangan antara mereka.

3. *Kumpulan Belajar Guru (Teacher Study Group)*

Sekumpulan guru berkolaboratif bagi membincangkan perkara untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang pendidikan untuk kepentingan bersama. Objektif kumpulan belajar guru bertujuan untuk merancang penambahbaikan, berbincang untuk memudahkan pelaksanaan kurikulum dan kaedah pengajaran, serta berbincang berkaitan penyelidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Antara isu yang boleh difokuskan untuk perbincangan bagi meningkatkan profesionalisme bidang tertentu ialah kemahiran berfikir, pelbagai kecerdasan, dan pembelajaran berasaskan otak. Perbincangan mengenai sesuatu bidang ini dapat meningkatkan ilmu seseorang guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta profesionalisme pendidikan (Kusaini, 2018). Dengan itu strategi ini merupakan aktiviti yang dapat meningkatkan nilai profesion seorang guru.

4. *Kritik Video Pengajaran (Video Critique)*

Strategi ini memberi peluang kepada guru untuk memerhati dan menganalisis secara kritis dan kreatif melalui rakaman video pengajaran dan pembelajaran. Antara objektif strategi ini ialah untuk menjana pemikiran kritis dan kreatif, membina pemikiran untuk mengkritik secara berhemah serta nilai keterbukaan. Melalui aktiviti ini, guru dapat meningkatkan kualiti dari aspek pengetahuan dalam strategi pengajaran, kemahiran berfikir dan memupuk sikap dan sahsiah mereka. Tambahan lagi, budaya pemikiran reflektif dalam kalangan guru-guru juga turut dapat dipertingkatkan dan diperkukuhkan melalui alat kolaboratif ini (Rahim & Iksan, 2015).

5. *Jelajah Pembelajaran (Learning Walks)*

Strategi ini melibatkan aktiviti perbincangan berkaitan pembelajaran pelajar hasil daripada lawatan kelas. Strategi ini melibatkan lawatan kumpulan guru ke bilik-bilik darjah untuk memerhati pembelajaran pelajar berasaskan fokus tertentu serta mendapatkan bukti untuk dijadikan bahan perbincangan. Aktiviti ini dapat membina nilai kemahiran guru dalam membuat pemerhatian berfokus dan juga memastikan perkembangan nilai pelajar yang dibincangkan oleh sekumpulan guru dalam jelajah pembelajaran. Guru-guru memperoleh pengalaman pembelajaran yang berkualiti, membuat wawasan dan pemahaman yang baru, memupuk hubungan dan kepercayaan antara guru, dan seterusnya memberi impak yang positif terhadap pengembangan pembelajaran pelajar (Hudson

& Hellenberg, 2018).

6. *Bimbingan Rakan Sebaya (Peer Coaching)*

Strategi ini melibatkan usaha kerjasama antara dua atau lebih guru dalam merancang, melaksanakan, dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui kolaboratif ini, berlaku perkongsian kepakaran dengan tujuan untuk melakukan proses coaching iaitu bimbingan sistematik yang diberikan oleh seorang guru pakar sebagai Pembimbing Instruksi kepada guru lain sebelum pengajaran, pemerhatian semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Diharapkan bimbingan ini dapat menyediakan pengalaman amalan terbaik bagi guru yang dibimbing seterusnya dapat dikongsikan kepada guru lain. Aktiviti ini secara tidak langsung dapat membudayakan nilai profesionalisme sesama guru hasil perkongsian melalui pengalaman bagi pembimbing Instruksi dan guru yang dibimbing. Hal ini disokong oleh beberapa kajian lepas (Rice, 2012; Zhang, Liu & Wang, 2017; Ma, Xin & Du, 2018), di mana guru memperoleh persepsi profesionalisme daripada guru-guru lain, dan bimbingan rakan sebaya juga membantu guru mentransformasikan pengetahuan mereka menjadi amalan, lalu membawa kepada peningkatan profesionalisme guru.

7. *Kajian Pembelajaran (Lesson Study)*

Strategi ini melibatkan amalan kolaboratif guru-guru yang melibatkan tiga fasa pengajaran iaitu sebelum pengajaran, semasa pengajaran dan selepas pengajaran. Ketiga-tiga fasa ini adalah untuk menyediakan rancangan pengajaran, kemudian digunakan untuk suatu sesi pengajaran dengan melibatkan pemerhatian, dan membuat refleksi terhadap pengajaran dan pembelajaran yang telah diperhatikan. Strategi ini berupaya meningkatkan kualiti pengajaran guru melalui penyediaan rancangan pengajaran yang dilakukan secara bersama dengan memberi tumpuan kepada perkembangan pembelajaran pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara ini dilakukan dengan membuat pemerhatian secara berfokus terhadap elemen-elemen tertentu semasa proses pembelajaran. Seterusnya, perkembangan pembelajaran pelajar ini dibincangkan selepas pengajaran iaitu pada fasa refleksi.

Secara tidak langsung ketiga-tiga fasa ini menyediakan ruang peningkatan nilai guru dari segi kemahiran pedagogi, penelitian berfokus, membuat kritikan berhemah dan membina hubungan profesional dengan ahli kumpulan. Kejayaan perkara ini pastinya dapat meningkatkan nilai profesion seorang guru.

Kajian oleh Areni dan Syafri (2018) mendapati bahawa guru-guru yang menjalankan Kajian Pembelajaran dapat merancang pelan pengajaran dengan lebih baik, berasa lebih yakin untuk melakukan pengajaran, dan berpeluang untuk menilai pengajarannya selepas sesi PdPc bersama rakan guru yang lain supaya penambahbaikan dapat dibuat. Dari aspek pelajar pula, kualiti pelajar juga dapat ditingkatkan kerana apa yang dirancang, diteliti semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan refleksi adalah berfokus kepada perkembangan pelajar. Kajian Areni dan Syafri (2018) juga menyatakan bahawa manfaat yang dapat dilihat dalam kalangan pelajar adalah mereka belajar dengan lebih aktif di dalam kelas, lebih mengambil serius terhadap pembelajaran, dan mempunyai pencapaian yang lebih baik berbanding kelas-kelas yang tidak mengamalkan Kajian Pembelajaran. Maka, matlamat utama adalah untuk meningkatkan nilai seseorang pelajar melalui perkembangan pembelajaran mereka semasa proses pengajaran dan pembelajaran, seterusnya memastikan kemenjadian pelajar dalam jangka masa panjang.

8. *Sesi Perkongsian Guru (Teacher Sharing Session)*

Strategi ini melibatkan kolaboratif guru dengan cara menyediakan ruang dan peluang perjumpaan bersama guru-guru secara berkala untuk membuat perkongsian amalan pembelajaran berkesan. Tujuan perbincangan adalah untuk berkongsi ilmu dan pengalaman tentang amalan pedagogi, kemahiran, nilai dan ilmu berkaitan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Memupuk sifat terbuka dalam menerima cadangan dan pandangan guru lain, bersikap saling menyokong, dan mengurangkan isolasi guru adalah antara kelebihan pengamalan alat kolaboratif ini (Hamzah, Rahmat & Salwana, 2018). Hasilnya, perkembangan dan peningkatan ilmu ini dapat meninggikan nilai profesion seorang guru.

9. *Analisis Data (Data Analyses)*

Data pelajar dari aspek kognitif sememangnya banyak kerana guru sering membuat penilaian melalui ujian sumatif. Namun, data secara kualitatif juga sangat diperlukan bagi menyokong serta membantu menyelesaikan masalah pelajar. Justeru, strategi ini memberi ruang kepada guru untuk memilih dan meneliti data pelajar secara bersama, berbincang untuk memilih alat statistik yang sesuai serta dipersembahkan dalam bentuk tertentu (jadual/geraf/carta) agar data itu menjadi bermakna dan mudah difahami.

Data ini dianalisis dan dibincangkan bersama

maklumat lain yang diperolehi melalui data kualitatif. Perbincangan kolaboratif antara guru melalui pelbagai sumber ini memudahkan perancangan pelan intervensi bagi menyelesaikan masalah. Strategi ini dapat meningkatkan kemahiran guru untuk mengaplikasikan ilmu statistik serta menjelaskan data. Seterusnya, analisis data yang dihasilkan ini boleh digunakan untuk dikongsi bersama ibu bapa atau masyarakat. Perbincangan berasaskan fakta yang sistematik ini dapat meningkatkan nilai kognitif guru, serta meningkatkan perofesion seorang guru apabila data ini akhirnya dapat diakui oleh masyarakat.

10. *Kumpulan Rakan Kritikal (Critical Friends Group)*

Strategi ini melibatkan sekumpulan guru yang komited untuk berbincang serta memberi sokongan dan galakan dalam memberi maklumat pelajar. Maklumat pelajar dibincangkan secara kritikal dengan mengambil kira pelbagai aspek bagi memastikan guru dapat meningkatkan pembelajaran mereka. Aktiviti ini secara tidak langsung dapat meningkatkan nilai profesion pendidikan bagi guru dan juga pelajar kerana penambaaikan dalam teknik mengajar hasil daripada pengamalan alat kolaboratif ini bakal menyumbang kepada penambahbaikan dalam prestasi pelajar pula (Vo & Nguyen, 2010). Kedua-duanya mempunyai peranan penting bagi memastikan pendidikan negara berada dalam martabat yang tinggi.

11. *Induksi dan Permentoran Guru Baharu (New Teacher Induction and Mentoring)*

Guru akan sentiasa silih berganti di mana setiap tahun sebilangan guru yang berpencen akan digantikan dengan guru baharu. Guru baharu memerlukan sokongan dari rakan guru yang berpengalaman dari aspek penyesuaian diri terhadap budaya kerja di tempat baharu. Selain itu, bimbingan guru berpengalaman diperlukan bagi membangunkan profesionalisme guru baharu dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai. Bimbingan dari guru berpengalaman diberikan secara berstruktur bagi mencapai tahap kompetensi profesionalme sorang guru. Menerusi amalan ini, nilai estim sendiri guru seperti keyakinan diri dapat dikembangkan dengan baik di tempat kerja baharu, selain turut mendapat sokongan sosial daripada rakan-rakan sekerja, dan juga dapat memperoleh perkongsian ilmu pengetahuan serta pengalaman daripada rakan-rakan guru yang lain (Kahraman & Kuzu, 2016).

12. *Kumpulan Penyelesai Masalah (Problem Solving Group)*

Strategi ini melibatkan sekumpulan guru berkolaboratif untuk berbincang berkaitan suatu masalah pembelajaran pelajar dan perkara yang terkait dengannya. Perbincangan berfokus kepada bagaimana untuk menyelesaikan masalah tersebut. Masalah yang timbul perlu dikenalpasti melalui analisis data yang telah diperoleh melalui pelbagai sumber. Seterusnya, seorang guru memberikan masalah yang ingin dibincangkan dan guru yang lain berdiskusi dan mengutarakan pandangan. Kumpulan guru ini juga berbincang dengan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah pembelajaran pelajar. Perbincangan bagi menyelesaikan masalah pelajar ini dapat meningkatkan pembangunan diri pelajar dalam pembelajaran dan sahsiah mereka.

13. Pasukan Melintang dan Pasukan Menegak (*Horizontal Teams and Vertical Teams*)

Strategi ini melibatkan dua pasukan yang boleh diwujudkan untuk bekerjasama secara kolaboratif di sekolah iaitu pasukan melintang dan pasukan menegak. Pasukan melintang merupakan sekumpulan guru yang mengajar mata pelajaran yang sama dalam satu tahun atau tingkatan yang berbeza. Sebagai contoh, kumpulan guru yang mengajar mata pelajaran matematik tingkatan untuk 1A, 1B, 1C dan 1D berkolaboratif sesama mereka. Ini bermaksud ahli kumpulan terdiri dari guru yang mengajar matematik, berkolaboratif untuk membincangkan perkembangan pelajar semasa proses pembelajaran matematik.

Bagi pasukan menegak pula, sekumpulan guru yang mengajar mata pelajaran yang sama dalam tahun atau tingkatan yang berbeza. Sebagai contoh, kumpulan guru yang mengajar mata pelajaran matematik untuk tingkatan 1, tingkatan 2 dan tingkatan 3. Pembentukan kedua-dua jenis pasukan ini bergantung kepada konteks penyusunan tugas pengajaran guru yang telah disusun di sekolah. Matlamatnya ialah untuk memberi peluang kepada guru meneroka isi kandungan sesuatu mata pelajaran dengan mendalam dan menyeluruh serta merancang strategi yang bersesuaian mengikut isi kandungan pelajaran, dan berkolaboratif melepasi sempadan bilik darjah. Manakala, dari sudut pelajar, peningkatan dalam prestasi turut dibincangkan dan guru juga dapat mengenali seseorang pelajar tersebut semasa kes tertentu yang turut dibincangkan. Justeru, alat kolaboratif ini akan dapat meningkatkan profesionisme seorang guru dan nilai seseorang pelajar daripada perkembangan pembelajaran dan sahsiah mereka.

Pembangunan Nilai dalam Strategi Komuniti Pembelajaran Profesional

Berdasarkan kepada 13 jenis strategi Komuniti Pembelajaran Profesional, amalan strategi ini secara tiak langsung dapat meningkatkan sama ada nilai profesion guru atau meningkatkan nilai pelajar. Jadual 1 menunjukkan strategi PLC yang menyentuh elemen nilai kepada guru dan pelajar.

Jadual 1: Elemen nilai kepada guru dan pelajar dalam strategi PLC

Bil	Tool PLC	Guru	Pelajar
1	Dialog Prestasi	/	/
2	Kelab Buku	/	
3	Kumpulan Belajar Guru	/	
4	Kritik video	/	
5	Jelajah pembelajaran	/	/
6	Bimbingan rakan sekerja	/	
7	Kajian pembelajaran	/	/
8	Sesi perkongsian guru	/	
9	Analisis data	/	
10	Kumpulan rakan kritikal	/	/
11	Induksi dan pementoran guru baharu	/	
12	Kumplan penyelesai masalah		/
13	Pasukan melintang dan pasukan menegak	/	

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa kebanyakan amalan kolaboratif dalam komuniti pembelajaran profesional ini dapat meningkatkan nilai profesion guru. Kajian oleh Voelkel dan Chrispeels (2017) mendapati bahawa dengan menyokong guru-guru dalam amalan PLC, ia dapat menambahkan efikasi kolektif mereka. Seterusnya ia akan memberi implikasi yang baik dalam peningkatan pencapaian pelajar. Sehubungan dengan itu, guru boleh memilih pendekatan PLC yang sesuai bagi membudayakan

amalan PLC.

Amalan kolaboratif memberi nilai komunikasi sosial yang berimpak tinggi iaitu membentuk atribut positif, proaktif dan membentuk penampilan yang positif dalam kalangan guru dan pelajar (Yusoff et al., 2018). Amalan kolaboratif juga membentuk pembangunan insan melalui integrasi ilmu yang mendalam dan kerjasama yang dapat membentuk penampilan yang positif serta dapat memberi nilai tambah kepada landskap pendidikan negara. Kajian Victor (2018) menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan PLC dengan efikasi guru di sekolah rendah. Dapatan ini menunjukkan guru yang melaksanakan amalan PLC didapati mempunyai efikasi sendiri dan keyakinan diri yang lebih tinggi. Oleh itu, amalan profesionalisme yang tinggi dalam kalangan guru memberi impak yang positif kepada kualiti guru di bilik darjah.

Oleh yang demikian, pembangunan insan melalui amalan kolaboratif memberi impak yang positif dalam membangunkan profesionalisme guru serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berterusan. PLC merupakan satu mekanisme yang dapat meningkatkan profesional guru dan membentuk nilai positif dalam pendidikan serta menyumbang kepada kemenjadian pelajar. Menurut Bantwini (2019), amalan kolaboratif merupakan medium untuk memberi peluang kepada guru membaiki kemahiran pengajaran secara berterusan dan meningkatkan pembelajaran pelajar dengan lebih berkesan. Amalan kolaboratif juga membuat percambahan pengetahuan dan kemahiran guru lebih kreatif dan berkesan. Justeru, amalan kolaboratif merupakan pendekatan dalam pembangunan insan yang berkualiti dalam meningkatkan kualiti guru.

Sehubungan dengan itu, bagi melestarikan pembudayaan amalan kolaboratif di sekolah, guru yang terlibat dalam amalan kolaboratif PLC akan diberi mata kredit pembangunan profesionalisme bagi aktiviti yang dilaksanakan. Ini membuktikan bahawa KPM sangat komited membudayakan amalan PLC dalam kalangan guru. Usaha berterusan KPM dapat membugarkan guru bagi melaksanakan amalan kolaboratif dalam pembangunan profesionalisme berterusan agar guru kekal berkualiti sepanjang perkhidmatannya.

Kesimpulan

Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional yang dicadangkan oleh KPM memberi peluang kepada guru untuk memilih strategi yang sesuai untuk dilaksanakan mengikut konteks yang bersesuaian di

sekolah atau pada pengamalannya. Apa yang penting ialah kolaboratif diwujudkan melalui kumpulan komuniti agar hasil yang diusahakan memperoleh impak yang lebih baik. Apabila diteliti, kesemua strategi ini dapat memberi kebaikan dalam perkembangan nilai kepada kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar. Perkembangan nilai guru secara tidak langsung dapat meningkatkan profesion keguruan berdasarkan kepada peningkatan ilmu, kemahiran, nilai dan sahsiah. Manakala, perkembangan nilai pelajar dapat meningkatkan pemahaman pembelajaran, kemahiran, sikap dan sahsiah pelajar. Diharapkan usaha murni guru yang dilakukan secara kolaboratif mampu memberi impak yang besar kepada kemenjadian pelajar dalam jangka masa panjang.

Penghargaan

Artikel ini dibiaya melalui geran penyelidikan FRGS-APRS/1/2017/SSI09/UKM/03/3.

Rujukan

- Areni, G. K. D., & Syafri, F. (2018). Enhancing teachers' professionalism and students' learning outcomes through lesson study. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, 12(2), 2-3-212. <https://journal.unnes.ac.id/nju/index.php/LC/article/view/14179>.
- Banerjee, N., Stearns, E., Moller, S., & Mickelson, R. A. (2017). Teacher job satisfaction and student achievement: The roles of teacher professional community and teacher collaboration in schools. *American Journal of Education*, 123(2), 203-241. https://www.researchgate.net/publication/311978340_Teacher_Job_Satisfaction_and_Student_Achievement_The_Roles_of_Teacher_Professional_Community_and_Teacher_Collaboration_in_Schools.
- Bantwini, B. D. (2019). Developing a culture of collaboration and learning among natural science teachers as a continuous professional development approach in a province in South Africa. *Teacher Development*, 23(2), 213-232. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/13664530.2018.1533491?journalCode=rtde20>.
- Davis, A. B. (2017). Conversation with Chris: discussing racial diversity in a professional book club. [Doctoral dissertation, University of South Carolina]. Scholar Commons. <https://scholarcommons.sc.edu/cgi/viewcontent>

- .cgi?article=5127&context=etd.
- Hamzah, M. I. M., Rahmat, Z., & Salwana, B. (2018). Kepimpinan instruksional dan hubungannya dengan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional guru besar di sekolah rendah Daerah Klang. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 113-126. <http://eprints.iab.edu.my/v2/913/1/2018-jld31%282%29-artikel18.pdf>.
- Hudson, M. & Hellenberg, J. (2018). Lab school teacher leaders as learners and change agents. *Teacher Leadership in Professional Development Schools*, 141-159. <https://www.emerald.com/insight/content/doi/10.1108/978-1-78743-403-520181011/full/html>.
- Kahraman, M., Kuzu, A. (2016). E-mentoring for professional development of pre-service teachers: a case study. *Turkish Online Journal of Distance Education- TOJDE*, 17(3), 76-89. https://www.researchgate.net/publication/305644978_E-mentoring_for_professional_development_of_pre-service_teachers_A_case_study.
- Ke-Du, L. (2019). Effective teaching in the context of 21st century learning in a Malaysian secondary school, 1-12. <https://education.uitm.edu.my/ajue/wp-content/uploads/2019/02/4-Kedu-with-Affiliation.pdf> [6 Januari 2020].
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *KIT PLC professional learning community (komuniti pembelajaran profesional)*. EMR Creative Sdn Bhd. <https://drive.google.com/file/d/1fdIEJ0ODRaDE6tjdII3PRxuKbapUCFL/view>.
- Kusaini, E. A. (2018). Tahap kesediaan guru cemerlang Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional di sekolah menengah di negeri Melaka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 8(1), 63-73. <http://journalarticle.ukm.my/11837/1/168-325-1-SM.pdf>.
- Ma, N., Xin, S., & Du, J. Y. (2018). A peer coaching-based professional development approach to improving the learning participation and learning design skills of in-service teachers. *Journal of Educational Technology & Society*, 21(2), 291-304. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1175298>.
- Mahfud, M. (2017). Implementative design Professional Learning Community (PLC) to improve performance of educators. *Journal of Education*, 2(1), 16-29. <https://www.neliti.com/publications/177255/implementative-design-professional-learning-community-plc-to-improve-performance>.
- Rahim, M. M. & Iksan, Z. H. (2015, November 5-7). Model refleksi guru cemerlang terhadap "Video Critique". Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education. Educational Community and Cultural Diversity: Vol. 2. (pp. 880-894). <https://isre.prosiding.unri.ac.id/index.php/ISRE/article/view/3102/3025>.
- Rice, G. (2012). Formative dialogues in teaching nonthreatening peer coaching. *The Journal of Chiropractic Education*, 26(1), 62-67. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3391777/>.
- Victor J. A.. (2018). Hubungan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah. <https://www.researchgate.net/publication/329505566>.
- Vo, L.T., & Nguyen, H.T.M. (2010). Critical friends group for EFL teacher professional development. *ELT Journal*, 64 (2), 205-213. <https://academic.oup.com/eltj/article-abstract/64/2/205/389050?redirectedFrom=fulltext>.
- Voelkel, R. H., & Chrispeels, J. H. (2017). Understanding the link between professional learning communities and teacher collective efficacy. *School Effectiveness and School Improvement*, 28(4), 505-526. <https://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/09243453.2017.1299015>.
- Yusoff, A. N. M., Ali, N. & Magiman, M. M. (2018). Amalan pengurusan pembelajaran terbaik (HIEPS) kolaboratif dengan menggunakan aplikasi 'tools' untuk kursus Tamadun Islam Tamadun Asia (Titas) di universiti awam & swasta. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 PASAK3 2018* 23-24 April 2018 . Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor . eISBN: 978-967-2122-47-0. http://conference.kuis.edu.my/pasak3/images/eprosiding1/PASAK3_2125.pdf.
- Zhang, S., Liu, Q. T., & Wang, Q. Y. (2017). A study of peer coaching in teachers' online professional learning communities. *Universal Access in the Information Society*, 16(2), 337-347. <https://link.springer.com/article/10.1007/s10209-016-0461-4>.